

NO. SOALAN : 138

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

RUJUKAN : 6938

SOALAN:

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan orang Filipina, orang Pakistan, orang Indonesia dan lain lain warganegara yang telah diberi anugerah Penduduk Tetap sepanjang tahun 1990 hingga 2013.

JAWAPAN :

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum bahawa soalan ini merujuk kepada jumlah pemegang Kad Pengenalan Merah bertaraf Pemastautin Tetap (MyPR). Oleh itu, berdasarkan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), jumlah MyPR yang telah dikeluarkan kepada pemegang yang berasal dari negara Filipina, Pakistan dan Indonesia dari tahun 1990 sehingga 2013 adalah sebanyak 70,240 keping.

SOALAN NO:139

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

SOALAN :

YB Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah masa depan kesemua Penempatan Pelarian Filipina di Sabah yang telah diwujudkan oleh Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu Suatu ketika dulu.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat 6 skim penempatan pelarian yang diwartakan sebagai penempatan pelarian filipina di Sabah dan W.P Labuan. Kerajaan Negeri telah mewartakan tanah di skim ini sebagai kawasan penempatan pelarian. Untuk makluman, hal-hal tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan apa-apa keputusan terletak di bawah Kerajaan Negeri.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]**

SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah terkini yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazan dusun di sekolah-sekolah Kebangsaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazan Dusun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah :

1. Menggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun yang selaras dengan kehendak Transformasi Kurikulum KPM dan Kurikulum yang sentiasa relevan dan tepat kepada keperluan komuniti penutur Bahasa Kadazandusun.
2. Mengadakan lawatan bimbingan ke sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Tujuan lawatan ini adalah untuk membimbang guru dalam memahami kandungan Kurikulum dan memberi cadangan-cadangan berkenaan dengan teknik PdP yang bersesuaian.
3. Memberikan kursus dan taklimat kepada guru-guru yang melaksanakan KSSR Bahasa Kadazandusun.
4. Menyediakan bahan sokongan seperti Buku Panduan Guru dan Buku Aktiviti Murid.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan pelajar SPM yang telah mendapat semua A dan berapakah bilangan yang telah mendapat bantuan Kerajaan untuk melanjutkan pelajaran.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), bantuan kewangan atau biasiswa yang disediakan adalah untuk pelajar asasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pelajar peringkat sijil di Kolej Komuniti. Bantuan Kewangan Asasi adalah terbuka kepada semua pelajar yang mengikuti program asasi di IPTA tanpa mengira taraf pendapatan keluarga. Pelajar yang mendaftar untuk mengikuti kursus asasi di mana-mana IPTA yang menawarkan kursus berkaitan adalah layak untuk mendapat bantuan tersebut. Manakala, bantuan kewangan bagi pelajar Kolej Komuniti terbahagi dua iaitu Bantuan Kewangan Modular Kolej Komuniti dan Tabung Pinjaman Pelajaran yang mana kedua-dua bentuk bantuan yang disediakan meliputi pemberian elaun wang saku kepada pelajar Kolej Komuniti yang berkelayakan berdasarkan pendapatan keluarga.

Pada tahun 2011 sehingga Mei 2014, seramai 72,672 orang pelajar telah ditawarkan bantuan kewangan asasi di IPTA manakala seramai 1,031 orang pelajar pula ditawarkan Tabung Pinjaman Pelajaran Kolej Komuniti.

Bagi memastikan keadilan bagi semua kumpulan sasaran yang berkelayakan dan pembangunan modal insan yang seimbang di seluruh negara, Kerajaan sentiasa berusaha menyediakan peluang pembiayaan untuk semua golongan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi.

Rt141

SOALAN (142)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah tindakan lanjut Kementerian terhadap program pembinaan sejuta rumah mampu milik yang diumumkan baru-baru ini dan berapa unit rumah di bawah skim berkenaan akan di bina di kawasan Sepanggar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kemampuan pemilikan rumah melalui penyediaan lebih banyak lagi rumah yang berkualiti dan mampu dimiliki di pasaran melalui program-program perumahan seperti:

- (i) **Program Perumahan Rakyat (PPR)** yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (ii) **Program Perumahan Rakyat 1Malaysia** di bawah Perbadanan PR1MA, Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) **Rumah Mampu Milik 1Malaysia** di bawah SPNB, Kementerian Kewangan; dan
- (iv) **Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)** di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM).

Perincian pelaksanaan projek PPR adalah seperti di Lampiran.

Berdasarkan maklumat daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) merupakan sebuah Syarikat Milik Penuh Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), statistik pembangunan bagi Rumah Mampu Milik (RMM) dan Rumah Idaman Rakyat (RIR) sehingga Mei 2014 adalah seperti berikut :

	SIAP (UNIT)	DALAM PEMBINAAN (UNIT)	DALAM PERANCANGAN 2014 (UNIT)
RMM	18,815	2,654	13,612
RIR	-	-	3,000
JUMLAH	18,815	2,654	16,612

Maklumat yang diperolehi daripada Perbandaran PR1MA, Jabatan Perdana Menteri yang telah dimandatkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan sebanyak 500,000 unit rumah di seluruh negara dalam jangkamasa lima tahun, menunjukkan bahawa sehingga kini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 82,609 unit dalam jangkamasa setahun yang merangkumi 60 buah projek di semua negeri bagi seluruh negara. Kesemua projek-projek ini berada di dalam pelbagai peringkat pembangunan. Daripada 60 buah projek tersebut, 14 buah projek telah memperoleh kelulusan Perintah Pembangunan (*Development Order*).

Secara amnya, proses pembinaan bagi kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun. Pada masa kini sebanyak empat buah projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah dan Johor sedang di dalam proses pembinaan. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebanyak 2,074 unit sedang dibina. Di negeri Kedah pula, sebanyak 1,672 unit sedang dibina sementara di negeri Johor, sebanyak 475 unit di dalam proses pembinaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

RINGKASAN SENARAI PROJEK PPR DAN STATUS PELAKSANAAN DI SELURUH NEGARA

SEHINGGA 31 MEI 2014

BIL	PPR	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK SIAP	UNIT SIAP	BIL. PROJEK DALAM PELAKSANAAN	UNIT DALAM PELAKSANAAN	BIL. PROJEK DALAM PERANCANGAN	UNIT DALAM PERANCANGAN
1	PPR DISEWA	88	75,805	74	67,967	14	7,838	0	0
2	PPR DIMILIKI	83	26,825	24	4,109	10	4,763	49	17,953
JUMLAH KESELURUHAN		171	102,630	98	72,076	24	12,601	49	17,953